

# Jom Main Masak - Masak!



by Juliana Hafiz





Ibu, hari ini kita  
main masak-  
masak apa?

Jom kita buat  
salad buah-  
buahan.

Wah, **sedapnya**.




Bagaimana cara  
membuat salad  
buah-buahan?





Mula-mula kita  
perlu ada bahan  
utama iaitu  
buah-buahan.

**Yang pertama  
adalah anggur.  
Rasanya masam  
dan manis.**






Saya suka buah  
anggur.



Seterusnya, Ali  
tahu ini buah apa?







Saya tahu. Ini epal  
hijau. Rasanya  
masam.



Yang ini?




**Ini mangga. Buahnya  
berwarna kuning.**




Ali, buah yang  
berwarna  
merah ini apa?



Ini strawberi. Saya  
suka makan strawberi  
yang manis.




**Bagus Ali. Selain itu,  
Salad kita juga akan  
masukkan buah kiwi.  
Rasanya sedikit  
masam tetapi ia  
sangat sedap.**







**Wah, tidak sabar  
saya ingin cuba  
rasa buah kiwi.**



Yang **terakhir**, kita akan masukkan juga buah lai.



**Wah banyaknya.  
Salad buah-buahan  
kita pasti sedap.**



Betul Ali. Selain buah-buahan, kita juga perlu ada sos salad.



Ingat. Ali jangan lupa basuh tangan sebelum memegang makanan ya.

Baik ibu.



**Pastikan tangan kita dicuci  
terlebih dahulu sebelum  
menyentuh makanan.**

Ali, jom tolong ibu  
potong buah-  
buahan ini.

Baik ibu.




Ibu akan potong buah-buahan. Ali pula tolong ibu masukkan buah-buahan yang telah dipotong ke dalam mangkuk.

Ibu, bolehkah Ali potong buah-buahan itu sendiri?

**Tidak boleh Ali.  
Pisau ini sangat  
tajam.**





Kanak-kanak tidak boleh menggunakan pisau kerana ia sangat tajam dan boleh melukakan jari.



Baik ibu. Pisau ini  
sangat bahaya.



Selepas kesemua buah sudah dipotong, kita boleh masukkan sos salad ke atas buah-buahan itu.

Ibu, Ali mahu tolong ibu masukkan sos salad itu.

Boleh. Nanti Ali  
tolong ibu gaulkan  
buah-buahan dan  
sos salad itu sekali  
ya.

Baik ibu.



Wah, salad kita  
sudah siap. Bagus  
Ali. Ibu bangga  
dengan kamu.

Terima kasih  
ibu. Nanti kita  
main masak-  
masak lagi ya.

Ibu bapa boleh cuba membuat salad buah-buahan ini bersama anak-anak di rumah. Dengan aktiviti ini, sekurang-kurangnya anak-anak dapat mengenal pelbagai nama, warna dan rasa buah-buahan yang sebenar.



Buku "Jom Main Masak-Masak" merupakan satu inisiatif untuk ibu bapa 'bermain' masak-masak dengan anak di rumah. Setiap masakan adalah mudah dan sangat merangsang minda anak-anak untuk mempelajari sesuatu yang baharu hanya dengan cara bermain. Secara tidak langsung, buku ini juga merupakan satu panduan untuk ibu bapa melakonkan semula watak-watak di dalam buku ini lalu diperaktikkan terhadap anak-anak di rumah. Ibu bapa perlu sentiasa meminta respon dan membimbing anak-anak untuk sentiasa berkomunikasi ketika main masak-masak!

by Juliana Hafiz

